

PARLIMEN

323,047 anak tak sah taraf didaftar

Harian Metro
17/11/16
mls 38

Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 323,047 anak kelahiran tidak sah taraf didaftarkan di seluruh negara sejak tahun 2010 hingga 2015.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Azizah Mohd Dun berkata, menurut data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan kes kehamilan remaja belum berkahwin bagi tahun 2012 hingga 2015 adalah 16,270 orang.

Azizah berkata, anak tak sah taraf merujuk kepada kelahiran luar nikah berdasarkan takrifan Jabatan Pendaftaran negara (JPN).

"Statistik Remaja Hamil Jabatan Kesihatan Negeri

(JKN) untuk tempoh yang sama mendapati tiga negeri merekodkan jumlah kes remaja hamil belum berkahwin tertinggi iaitu Sarawak, Johor dan Selangor.

"Dalam tempoh empat tahun itu, Sarawak merekodkan kes remaja hamil paling tinggi iaitu 5,246 orang diikuti Johor, 2,427 orang dan Selangor, 1,603 orang," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Nik Mazlan Nik Mohamad (PAS-Pasir Puteh) mengenai bilangan kelahiran luar nikah sejak 2010 dan usaha kementerian untuk menangani masalah berkenaan.

Menurut Azizah lagi, kementerianya memperkenalkan Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2009 bagi menangani masalah berkenaan selain

membantu melahirkan individu yang mempunyai sikap positif serta mewujudkan kesedaran sosial.

"Menerusi program PEKERTI, kami mendirikan 16 buah Pusat Remaja kafe@TEEN di 10 negeri di seluruh negara bagi meningkatkan lagi akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 24 tahun.

"Ia turut menawarkan khidmat kaunseling, program pendidikan serta pembangunan kemahiran untuk remaja dan sejak penubuhannya kira-kira 10 tahun lalu, seramai 344,093 remaja mengambil bahagian.

"Selain itu, 21,233 remaja turut mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan mengenai penggunaan perkataan zina

yang dianggap mampu menggerunkan lagi umat Islam di negara ini oleh Nik Mazlan, Azizah berkata, pihaknya percaya semua jabatan agama Islam negeri sudah menggunakannya.

Katanya, tanggungjawab menangani kelahiran anak tak sah taraf bukan digalas oleh kerajaan semata-mata, sebaliknya ibu bapa dan masyarakat juga harus memainkan peranan masing-masing.

" Dalam tempoh empat tahun itu, Sarawak merekodkan kes remaja hamil paling tinggi Azizah Mohd Dun "

